



Semangatku Setinggi Jet Pejuangmu, Jom Hebat UPSR 2017

24 OGOS – Karnival Jom Hebat UPSR 2017 telah diadakan pada 23 dan 24 Ogos 2017 di Dewan Pangkalan Udara, Tentera Udara DiRaja Malaysia Membedai, Labuan. Seramai 87 orang murid dan 28 orang guru dari 4 mata pelajaran terlibat dalam karnival ini. Kesemua mereka terdiri daripada murid cemerlang dari 14 buah sekolah rendah yang bakal menduduki UPSR pada bulan September ini.

Program Kerjasama Jabatan Pendidikan WP Labuan dan Tentera Udara Diraja Malaysia, ini merupakan program yang julung-julung kali diadakan bagi memberikan persiapan terakhir murid sebelum menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang akan bermula dari 11 hingga 14 September 2017.



En Zamri Tiri, Guru Matematik SK Patau-Patau sedang menerangkan teknik menjawab soalan Matematik dengan mudah menggunakan konsep didik hiburan.

Karnival yang berkonsepkan pembelajaran Abad ke-21 ini memberi pendedahan kepada murid teknik dan kaedah yang sesuai bagi bagi menjawab soalan-soalan yang berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam semua empat kertas peperiksaan UPSR iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Murid dan guru juga diberi peluang membuat lawatan ke Lapangan Terbang Udara, Pangkalan Udara Labuan bagi merasai sendiri menaiki pesawat pejuang milik Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Kesemua murid yang hadir turut serta melahirkan rasa gembira kerana dapat dipilih menyertai program ini disamping dapat merasai sendiri keseronokan dan pengalaman menaiki pesawat pejuang negara.

Semoga semangat murid-murid Labuan setinggi dan sehebat jet pejuang TUDM. Selamat Maju Jaya dan Teruskan Berjuang UPSR 2017. Kejayaan Anda Kebanggaan Kami. Anda boleh lakukannya.

Sumber Berita : Inanis Fatinisupi bin Abdullah



Gambar kenangan bersama Pegawai dan Jet Pejuang Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM)

